

CNS9003

R GB 06-04 00158 BA094

bah

Mahathir - Pelabur

MALAYSIA LINDUNGI HAK PEMILIKAN INTELEKTUAL

I

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada para pelabur asing bahawa hak pemilikan intelektual mereka akan dilindungi di negara ini.

Pelabur asing boleh membawa teknologi ciptaan mereka ke Malaysia dengan jaminan bahawa hak kepakaran mereka akan dilindungi, katanya dalam satu keluaran khas mengenai pencapaian teknologi Malaysia yang disiarkan dalam edisi April majalah "Scientific American".

Malaysia, tidak lama lagi, akan memperkenalkan Akta Rekacipta Industri yang akan melindungi hak pemilikan intelektual pelabur Malaysia dan asing, katanya dalam perutusannya bertajuk "Saingan Teknologi Ke Arah 2020".

Beliau juga berkata dengan infrastruktur yang cemerlang, sumber manusia yang boleh dilatih dan suasana perniagaan menyenangkan, Malaysia menawarkan pusat keuntungan ulung untuk perniagaan teknologi tinggi.

Dr Mahathir berkata negara juga mempunyai Akta Paten yang menggalakkan rakyat Malaysia menjadi inovatif dan berdaya cipta. -- Lagi.

▼06/04/12-57MST

CNS9011

R GB 06-04 00147 BA095

bah

Mahathir - Pelabur 2 Kuala Lumpur

Pelaburan yang tinggi dalam pendidikan sejak beberapa tahun lepas di Malaysia telah mendatangkan pulangnya dengan melahirkan banyak penduduk lelaki dan wanita yang berpelajaran tinggi, katanya.

"Pekerja kami bermotivasi tinggi, boleh dilatih dan amat berminat untuk belajar manakala budaya kerja, etika dan sikap yang positif telah menjadikan industri kos efektif dan cekap.

"Walaupun kadar gaji meningkat berterusan, kualiti dan produktiviti turut bertambah untuk meletakkan Malaysia sebagai lokasi paling berdaya saing bagi banyak jenis industri," katanya.

Kestabilan politik Malaysia juga merupakan tarikan positif untuk pelaburan di negara ini, katanya.

"Kerajaan Barisan Nasional yang mewakili masyarakat utama di negara ini dipilih berturut-turut, dan dengan sokongan berterusan daripada rakyat, kerajaan dapat menggerakkan sumber manusia dan alam semula jadi untuk membina satu daripada pertumbuhan ekonomi paling cepat dalam dunia moden," katanya.

Dr Mahathir juga berkata perkongsian merupakan strategi utama dalam mencapai pertumbuhan.

Rakan kongsi asing dan tempatan diwujudkan untuk mempercepatkan industrilisasi, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia terus mengamalkan falsafah terbuka, usahasama dan menyumbang kepada teknologi yang dibawa dan dipindahkan ke negara ini.

"Dalam ekonomi dunia yang daya saingnya semakin meningkat, kita perlu mendapatkan sumber, sama ada kepandaian dan bahan, yang paling baik tanpa mengira dari mana datangnya," kata beliau. -- Bernama

AKT NAK NMO

▼06/04/13-07MST